



JABATAN KETUA MENTERI
Chief Minister's Department
Aras 28, Blok A
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan UMS, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU, SABAH
MALAYSIA

Tel : +6088-369 900
Faks : +6088-211 016

Rujukan : **JPAN : 1000-9/159 Kit.2 (81)**

Tarikh : **09 FEB 2021**

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil
Semua Ketua Pengurusan Pihak Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Datuk/ Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA *ONE-OFF* BAGI PEGAWAI YANG TELAH BERADA DI GRED KENAIKAN PANGKAT PADA TARIKH KUAT KUASA PERTUKARAN PELANTIKAN SKIM PERKHIDMATAN YANG DINAIK TARAF

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas. Surat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia rujukan **JPA.BK.(S)256/6-1 Jld.3 (6)** bertarikh **26 November 2020** adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri bersetuju untuk menerima pakai pelaksanaan kenaikan pangkat secara *one-off* bagi pegawai yang telah berada di gred kenaikan pangkat pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan skim perkhidmatan yang dinaik taraf. Pelaksanaan urusan tersebut adalah sehingga **31 Mac 2021**.

3. Pelaksanaan urusan ini tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- 3.1 Urusan kenaikan pangkat ini dibuat berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Awam Negeri Sabah Bil.5/2020;
- 3.2 Pegawai memperoleh purata markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 80% untuk tiga (3) tahun terkini dan diluluskan kenaikan pangkat oleh Lembaga Kenaikan Pangkat;
- 3.3 Pegawai yang berada di gred kenaikan pangkat secara hakiki, sebelum tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan menerima tarikh kenaikan pangkat bermula 01 Januari 2018;

.../2

“SABAH MAJU JAYA”

Rujukan : 1000-9/159 Klt.2 (81)

Tarikh : 09 FEB 2021

- 3.4 Pegawai yang berada di gred kenaikan pangkat secara Khas untuk Penyanggah (KUP) / *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBK), sebelum tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan menerima tarikh kenaikan pangkat bermula 01 April 2018; dan
- 3.5 Urusan ini boleh dipertimbangkan kepada pegawai berikut:-
 - 3.5.1 pegawai yang meninggal dunia semasa tempoh pelaksanaan;
 - 3.5.2 pegawai yang bersara semasa tempoh pelaksanaan; dan
 - 3.5.3 pegawai sedang dalam tempoh Cuti Belajar Bergaji Penuh, Cuti Belajar Separuh Gaji atau Cuti Belajar Tanpa Gaji semasa tempoh pelaksanaan.

4. Pihak YBhg. Datuk/ tuan/ puan hendaklah memastikan urusan ini dilaksanakan bagi skim perkhidmatan yang ditetapkan di **Lampiran A** dan mematuhi syarat di perenggan 3. Kementerian/ jabatan/ agensi juga perlu memastikan maklumat perjawatan yang terlibat dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



[DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, J.P.]
Setiausaha Kerajaan Negeri

s.k. Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri
Tingkat 3 dan 4, Blok B, Wisma MUIS
Peti Surat No. 10998
88811 KOTA KINABALU

“SABAH MAJU JAYA”

LAMPIRAN "A"**URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA *ONE-OFF* BAGI PEGAWAI YANG TELAH BERADA DI GRED KENAIKAN PANGKAT PADA TARIKH KUAT KUASA PERTUKARAN PELANTIKAN SKIM PERKHIDMATAN YANG DINAIK TARAF****SENARAI SKIM YANG TERLIBAT**

Bil.	Skim Perkhidmatan Asal	Skim Perkhidmatan Ditukar Lantik	Tarikh Kuat Kuasa Tukar Lantik
1.	Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U12	Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U11	01 Januari 2014
2.	Operator Loji Gred R8	Operator Loji Gred H11	
3.	Pemandu Kenderaan Gred R6	Pemandu Kenderaan Gred H11	
4.	Penghantar Notis Gred N12	Penghantar Notis Gred N12	
5.	Pembantu Am Pejabat Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11	
6.	Pembantu Kamera / Pemandu Gred N12		
7.	Penyelia Jeti Gred N12		
8.	Penyelamat Gred N12	Pembantu Awam Gred H11	
9.	Pekerja Awam Gred R4		
10.	Pekerja Awam Khas Gred R6		